

Pengasas produk & suami kena RM20k

Pasangan didenda melakukan penganiayaan kanak-kanak

Bangi

Pengasas produk kosmetik dan suaminya masing-masing dijatuhi hukuman denda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi, semalam kerana melakukan penganiayaan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal terhadap mangsa.


Mahkamah turut memerintahkan tertuduh, Amira Hamzah, 28, dan suaminya, warga Singapura, Muhammad Fitri Jasmani Josmani, 30, dipenjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah sejourus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Effandi Nazila Abdullah.

Mengikut pertuduhan, pasangan itu didakwa secara bersama sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak perempuan menganiaya sehingga menyebabkan mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan dilakukan di sebuah rumah di Eco Majestic, daerah Hulu Langat, di sini, pada April dan jam 1.25 tengah hari pada 18 Julai lalu.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a), Akta Kanak-Kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34, kanun sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum



MUHAMMAD Fitri (depan) dan Amira (belakang) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi atas tuduhan mendera anak berusia 4 tahun pada 18 Julai lalu. - Gambar NSTP/AZHAR RAMLI

RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Amira yang tidak diwakili peguam turut merayu pengurangan denda dan mendakwa dia tidak mempunyai niat untuk melakukan per-

buatan mendera itu.

"Saya memohon maaf dan tiada niat mendera. Saya memang pukul tetapi saya mahu dia makan untuk mengelak dia kurang nutrisi," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Amir Abdul Hamid

dalam hujah pemberatan berkata, tertuduh tidak amanah dan tidak bertanggungjawab dalam menjaga mangsa.

"Kanak-kanak berumur sedemikian perlu diberi perhatian dan kasih sayang. Kecederaan yang dialami

mangsa ini berlaku di banyak anggota badan dan bukannya di satu bahagian badan sahaja.

"Ini boleh menyebabkan trauma selama seumur mangsa. Tindakan tertuduh adalah lebih kepada bukan mendidik namun ia satu

perkara yang dianggap tidak adil dan dianggap zalim," katanya.

Sementara itu, di mahkamah sama Muhammad Fitri, turut didenda RM10,000 selepas mengaku bersalah atas pertuduhan tinggal lebih tempoh dibenarkan di negara ini di lokasi sama jam 2.30 pagi pada 22 Julai lalu mengikut Seksyen 15 (1)(c), akta imigresen 1959/63 pindaan 2002 (akta a 1154) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 15 (4), akta sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan denda maksimum RM10,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Media sebelum ini melaporkan, pasangan suami isteri itu ditahan di sebuah rumah sebuah perumahan di Berang pada jam 2.30 pagi 22 Julai lalu selepas menerima aduan daripada seorang orang awam pada jam 12.14 tengah malam hari sama.

Mangsa adalah seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang juga seorang anak hiperaktif.



Saya memohon maaf dan tiada niat mendera. Saya memang pukul tetapi saya mahu dia makan untuk mengelak dia kurang nutrisi"